

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sehingga kini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) akan dinaiktaraf dengan kapasiti pengendalian penumpang terminal ditingkatkan daripada 6.5 mppa kepada 12 mppa bagi Fasa Pertama. Pelaksanaan peringkat pertama Fasa Kedua dengan kapasiti pengendalian penumpang seramai 16 mppa dan pelaksanaan peringkat kedua bagi kapasiti 20 mppa masih dalam perancangan Kerajaan kerana ianya melibatkan kerja-kerja pengambilan tanah.

2. Sehingga kini, MAHB telah melantik perunding pada 15 Februari 2019 melalui tender terbuka dan pihak perunding tersebut sedang membuat kerja-kerja rekabentuk dan sebagainya. Projek naiktaraf LTAPP ini dijadual untuk dilaksanakan bermula pada bulan Jun 2020 dan akan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan.

Sekian, terima kasih.